



POLISI ESKAYVIE NEXUS

TELAH DIKEMASKINI: JUN 2025

DASAR ESKAYVIE NEXUS

PENGENALAN

1.1 Kod Etika dan Tatakelakuan

- 1.1.1 Setiap Usahawan Eskayvie Nexus akan bersikap jujur dan berlaku adil dalam segala urusan sebagai Usahawan Eskayvie Nexus.
- 1.1.2 Setiap Usahawan Eskayvie Nexus akan menjalankan perniagaan dengan cara yang mampu meningkatkan reputasi ahli dan reputasi baik Eskayvie Nexus.
- 1.1.3 Sentiasa berbudi bahasa dan menghormati setiap individu yang perlu dihubungi semasa aktiviti pemasaran berkaitan Eskayvie Nexus.
- 1.1.4 Sentiasa menjalankan tanggungjawab kepimpinan sebagai seorang pemimpin termasuk melatih, menyokong dan berkomunikasi dengan baik dengan ahli dalam organisasi.
- 1.1.5 Tidak akan memberi gambaran yang salah tentang produk Eskayvie atau Pelan Pemasaran Eskayvie Nexus.
- 1.1.6 Tidak akan menjemput mana-mana Usahawan Eskayvie Nexus secara langsung atau tidak langsung untuk mengikuti mana-mana program lain atau terlibat dalam amalan menipu dan menyalahi undang-undang.
- 1.1.7 Akan sentiasa bertanggungjawab sepenuhnya ke atas semua kewajipan kewangan atau undang-undang yang ditanggung dalam menjalankan perniagaan sebagai Usahawan Eskayvie Nexus dan akan menyelesaikan semua hutang dan kewajipan seperti yang diperlukan oleh Usahawan Eskayvie Nexus.
- 1.1.8 Usahawan Eskayvie Nexus hendaklah memberi informasi yang betul dan tepat serta tidak membuat perbandingan produk dan pelan pemasaran dari syarikat lain. Usahawan Eskayvie Nexus dilarang memfitnah atau memberi maklumat tidak tepat mengenai mana-mana produk atau syarikat lain.

1.2 Status Kontrak Bebas

Usahawan Eskayvie Nexus tidak akan dianggap sebagai pekerja untuk tujuan cukai persekutuan atau negeri. Semua Usahawan Eskayvie Nexus adalah kontraktor bebas yang terlibat dalam usaha perniagaan berasingan mereka sendiri. Usahawan Eskayvie Nexus dilarang sama sekali daripada menyatakan, sama ada secara lisan atau bertulis, bahawa hubungan mereka adalah selain daripada yang dinyatakan di atas. Setiap Usahawan Eskayvie Nexus hendaklah memastikan Eskayvie Sdn Bhd tidak dikaitkan daripada sebarang tuntutan, kerosakan atau liabiliti yang timbul daripada amalan perniagaan Usahawan Eskayvie Nexus tersebut.

Usahawan Eskayvie Nexus tidak mempunyai kuasa untuk mengikat Eskayvie Sdn Bhd kepada sebarang kewajipan. Setiap Usahawan Eskayvie Nexus digalakkan untuk menyediakan waktu perniagaannya sendiri dan menentukan kaedah jualan, selagi dia mematuhi Polisi Eskayvie Nexus.

Usahawan Eskayvie Nexus disarankan untuk mengisytiharkan bonus atau pendapatan mereka kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Eskayvie Sdn Bhd tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa caj yang dikenakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (sekiranya ada).

1.3 Tata Laku Perniagaan

Setiap Usahawan Eskayvie Nexus akan melaksanakan semua aktiviti perniagaannya secara profesional dan beretika, bagi meningkatkan reputasi Usahawan Eskayvie Nexus dan reputasi baik Eskayvie Sdn Bhd. Usahawan Eskayvie Nexus tidak dibenarkan untuk terlibat di dalam sebarang kelakuan yang boleh merosakkan nama baik atau imej Eskayvie Sdn Bhd atau mana-mana Usahawan Eskayvie Nexus serta pihak-pihak berkepentingan yang lain.

Usahawan Eskayvie Nexus akan bersikap sopan dan menghormati setiap individu yang dihubungi, termasuk pekerja dan Eksekutif Pejabat Urusan Eskayvie Sdn Bhd, dan akan menjalankan perniagaan mereka dengan cara menghormati produk dan profesionalisme Eskayvie Nexus dan ahlinya yang lain. Usahawan Eskayvie Nexus perlu mengekalkan reputasi dan imej Eskayvie Sdn Bhd.

SYARAT-SYARAT KEAHLIAN ESKAYVIE NEXUS

2.1 Hak Usahawan Eskayvie Nexus

Semua Usahawan Eskayvie Nexus yang berdaftar boleh menjual produk Eskayvie dan menyertai pelan pemasaran Eskayvie Nexus selagi mana tidak melangkaui polisi. Usahawan Eskayvie Nexus boleh merujuk atau memperkenalkan ahli baharu untuk menyertai perniagaan Eskayvie Nexus.

2.2 Umur yang Dibenarkan

Individu mestilah berumur sah (18 tahun dan ke atas) untuk menjadi Usahawan Eskayvie Nexus. Individu tersebut perlu mempunyai akaun bank dan nombor telefon yang aktif.

2.3 Keahlian

Hanya satu keahlian untuk setiap individu dan entiti boleh didaftarkan dalam Sistem Nexus. Pengurusan Tertinggi Eskayvie Sdn Bhd, kakitangan dan pasangan tidak dibenarkan menyertai Eskayvie Nexus. Usahawan Eskayvie Nexus perlu memasukkan maklumat kad pengenalan, nombor akaun bank dan nombor telefon yang aktif. Bagi warganegara asing, perlu masukkan maklumat passport, nombor akaun bank dan nombor telefon yang aktif. Usahawan Eskayvie Nexus adalah dilarang daripada mengemukakan sebarang maklumat yang palsu atau tidak tepat kepada Eskayvie Sdn Bhd. Usahawan Eskayvie Nexus mesti memaklumkan kepada Eskayvie Sdn Bhd mengenai sebarang perubahan yang memberi kesan kepada maklumat terkini. Eskayvie Sdn Bhd berhak menamatkan sebarang keahlian dengan serta-merta sekiranya didapati memberikan maklumat palsu atau tidak tepat.

2.4 Yuran Pendaftaran Apprentice Eskayvie

Setiap Usahawan Eskayvie Nexus perlu mendaftar keahlian mereka melalui laman web dan mengaktifkan status Apprentice melalui Sistem Nexus. Yuran Pendaftaran Usahawan Eskayvie Nexus ialah RM70 (MALAYSIA) / RM77 (SINGAPURA) / RM96 (BRUNEI)* dan akan menerima produk Eskayvie seperti yang ditetapkan oleh pihak pengurusan Eskayvie Sdn Bhd. Tempoh keahlian adalah selama satu (1) tahun. Keahlian akan diperbaharui secara automatik apabila Usahawan Eskayvie Nexus mempunyai Jualan Peribadi (PS) terkumpul sebanyak EPV 2,000 dalam setahun. Sekiranya Usahawan Eskayvie Nexus gagal memiliki PS minima terkumpul EPV 2,000 dalam setahun, dia hendaklah membayar yuran pendaftaran RM70 (MALAYSIA) / RM77 (SINGAPURA) / RM96 (BRUNEI) untuk mengaktifkan semula keahlian dan akan hilang semua rangkaian sebelum ini.

Nota (*): Apprentice Kit ini boleh ditukar pada bila-bila masa tanpa sebarang makluman. Yuran pendaftaran tidak termasuk kos penghantaran

2.5 Keahlian Baru

Seseorang Usahawan Eskayvie Nexus dengan keahlian yang telah luput dibenarkan untuk mendaftar semula di bawah penaja asal atau penaja baru. Walau bagaimanapun, beliau akan dianggap sebagai ahli baru dan tidak berhak ke atas rangkaian beliau sebelum ini.

2.6 Keahlian boleh ditamatkan sekiranya Usahawan Eskayvie Nexus terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kes-kes disiplin seperti:

- a) Menukar harga jualan produk tanpa mendapat kelulusan Eskayvie Sdn Bhd;
- b) Melanggar peraturan, tatacara kelakuan, pelan pemasaran atau sebarang Polisi Eskayvie Nexus;

- c) Menjalankan sebarang aktiviti yang membawa kesan negatif kepada Eskayvie Sdn Bhd atau menjejaskan nama baik Eskayvie secara langsung atau tidak langsung;
- d) Membuat tuntutan palsu berkaitan Eskayvie Sdn Bhd, produk, pelan pemasaran, pihak pengurusan tertinggi atau staf Eskayvie Sdn Bhd .

PEMATUHAN UNDANG-UNDANG

3.1 Maklumat Data Peribadi

Maklumat data peribadi seperti nama pengguna Usahawan Eskayvie Nexus, alamat, nombor telefon, e-mel dan lain-lain dianggap sebagai sulit dan tidak akan digunakan kecuali berkaitan dengan perniagaan Eskayvie Nexus atau dikehendaki oleh undang-undang.

3.2 Kerahsiaan Maklumat Pembekal & Pengilang

Hubungan perniagaan Eskayvie Sdn Bhd dengan para pembekal & pengilang adalah sulit. Usahawan Eskayvie Nexus dilarang sama sekali menghubungi, secara langsung atau tidak langsung, bercakap atau berkomunikasi dengan mana-mana wakil atau mana-mana pembekal atau pengilang.

TAJAJAN, LATIHAN & SYARAT PENAMATAN

4.1 Penajaan

Usahawan Eskayvie Nexus boleh menaja sesiapa sahaja individu yang berumur 18 tahun dan ke atas. Individu tersebut perlu memiliki akaun bank dan nombor telefon yang aktif. Penajaan tidak sah apabila menaja seseorang yang telah ditaja dari rangkaian lain. Tindakan berikut akan diambil jika penajaan tidak sah terbukti berlaku:

- a) Keahlian akan digantung atau ditamatkan serta-merta. Jika ini berlaku, semua rangkaian yang ditaja secara tidak sah akan dipindahkan kepada penaja asal berkenaan.
- b) Akaun Usahawan Eskayvie Nexus juga akan dibekukan serta-merta.

4.2 Menjaga Reputasi dan Imej

Usahawan Eskayvie Nexus bertanggungjawab untuk menjaga reputasi, imej dan muhibah Eskayvie Nexus melalui tingkah laku dan aktiviti yang dijalankan.

4.3 Maklumat untuk Prospek Berpotensi

Individu yang memperkenalkan Eskayvie Nexus mesti memegang prinsip integriti dengan memberikan maklumat yang tepat dan jelas tentang produk, pelan pemasaran

dan syarikat. Setiap ahli baru digalakkan untuk menjadi pengguna produk yang aktif terlebih dahulu.

4.4 Hubungan antara Usahawan Eskayvie Nexus dan pelanggan

Usahawan Eskayvie Nexus perlu memperkenalkan diri mereka serta sentiasa mendekati pelanggan dengan cara yang berhemah, bertimbang rasa dan menjadi tanggungjawab Usahawan Eskayvie Nexus untuk menerangkan pelan pemasaran dan penggunaan produk. Usahawan Eskayvie Nexus dilarang menggunakan amalan jualan yang boleh mengelirukan, memperdaya atau tidak adil kepada pelanggan. Maklumat terperinci dan jelas seperti harga produk, cara pembayaran, perkhidmatan lepas jualan dan tarikh penghantaran harus diberikan kepada pelanggan untuk mengelakkan daripada sebarang keraguan dan merasa ketidakpuasan hati sekaligus boleh memberi kesan negatif kepada produk dan perniagaan.

4.5 Keperluan Latihan

Pemimpin Eskayvie Nexus (upline) dikehendaki memastikan latihan yang diberikan kepada Usahawan Eskayvie Nexus adalah mencukupi. Latihan termasuk pelan pemasaran, maklumat produk, strategi jualan dan tingkah laku perniagaan yang beretika. Pemimpin Eskayvie Nexus mesti mengekalkan hubungan baik yang berterusan antara pasukan mereka.

4.6 Interaksi dengan pelanggan Usahawan Eskayvie Nexus yang lain

Usahawan Eskayvie Nexus boleh menyatakan atau berkongsi kejayaan, pemikiran atau pandangan mereka tetapi digalakkan untuk berbincang kerana dikhuatiri mempengaruhi pelanggan yang lain kerana beliau bukan pelanggan anda. Jika ahli yang memperkenalkan tidak lagi dapat meneruskan servis atau tiada lagi dalam sistem, hendaklah rujuk kepada Pemimpin Eskayvie Nexus yang aktif di dalam rangkaian anda.

4.7 Hubungan di kalangan Usahawan Eskayvie Nexus

Bagi menubuhkan perniagaan Eskayvie Nexus yang berjaya, Usahawan Eskayvie Nexus harus berusaha untuk bersatu dan tingkatkan usaha mereka tanpa mengira kumpulan di mana mereka berada. Ini termasuk perniagaan dan menyertai acara, pertukaran penceramah serta sokongan seperti yang diperlukan. Kerjasama yang produktif akan memanfaatkan perniagaan. Usahawan Eskayvie Nexus harus mengambil peluang untuk menunjukkan semangat bersatu-padu di kalangan Usahawan Eskayvie Nexus.

4.8 Perbahasan di kalangan Usahawan Eskayvie Nexus

Apabila perdebatan atau konflik timbul di kalangan Usahawan Eskayvie Nexus, setiap daripada mereka harus sentiasa mengekalkan sikap profesional dan mengelak daripada membincangkan sebarang khabar angin atau berita yang belum disahkan benar supaya tidak mempengaruhi Usahawan Eskayvie Nexus yang lain.

4.9 Penukaran keahlian rangkaian (Network Tree)

Usahawan Eskayvie Nexus tidak dibenarkan menukar rangkaian sedia ada kepada rangkaian baru atau dengan kata lain tidak dibenarkan menukar upline. Penukaran boleh berlaku dalam dua (2) situasi **SAHAJA**:

4.9.1 Kematian *Upline* atau *Upline* telah ditamatkan perkhidmatan

Apabila situasi ini berlaku, seluruh rangkaian akan dipindahkan kepada upline yang aktif di dalam rangkaian tersebut.

4.9.2 Isu yang belum selesai antara *upline* & *downline*

Apabila situasi ini berlaku, pihak syarikat mempunyai kata putus untuk meletakkan *downline* tersebut ke *upline* yang baru di mana upline baru ini dipertanggungjawab membimbing downline tersebut. Manakala *upline* sekarang akan kehilangan keseluruhan rangkaian downline tersebut yang mana ini akan menjejaskan jumlah jualan kumpulan dan pendapatannya.

Semua penukaran, perubahan dan keputusan adalah muktamad, dan akan dibuat setelah diluluskan oleh Pengurusan Tertinggi Eskayvie Sdn Bhd.

4.10 Usahawan Eskayvie Nexus yang telah meninggal dunia

Sekiranya Usahawan Eskayvie Nexus meninggal dunia maka pewaris boleh mengambil alih akaun si mati dengan syarat perlu ditukarkan akaun tersebut kepada nama pewaris sebagai pemilik akaun yang baru. Pertukaran berserta sijil kematian perlulah diberikan kepada Eskayvie Nexus melalui pos, WhatsApp atau e-mel. Proses pertukaran tersebut akan dilaksanakan dalam tempoh 3 hari waktu bekerja.

JUALAN PRODUK & HARGA

5.1 Harga

Harga Produk Eskayvie yang disenaraikan adalah tertakluk kepada perubahan tanpa sebarang notis awal dan Usahawan Eskayvie Nexus tidak boleh membuat laporan tentang perubahan harga tersebut. Harga yang disenaraikan tidak termasuk duti import, cukai nilai tambah, cukai jualan atau cukai lain yang mungkin dikenakan oleh negara/pihak berkuasa pada tempat penghantaran produk dan juga tidak termasuk caj pengangkutan/penghantaran. Usahawan Eskayvie Nexus hanya dibenarkan menjual Produk Eskayvie pada harga yang ditetapkan oleh Eskayvie Sdn Bhd. Kegagalan untuk mematuhi peruntukan ini akan menjadi pelanggaran terma dalam Polisi Eskayvie Nexus.

5.2 Pembayaran

Harga ahli (Eskayvie Preferred Customer) yang ditawarkan adalah di dalam Ringgit Malaysia bagi pasaran Malaysia, Singapura dan Brunei. Harga ahli (Eskayvie Preferred Customer) mungkin akan ditukarkan mengikut nilai mata wang setempat jika ada keperluan. Terdapat 6 jenis kaedah pembayaran: Kad kredit / kad debit, FPX, pembayaran dalam talian, COD, sales wallet dan tunai (hanya pembelian di HQ & Pusat Edaran Eskayvie). Usahawan Eskayvie Nexus hanya perlu memilih salah satu kaedah pembayaran yang dinyatakan sahaja.

5.3 Caj Pengangkutan/Penghantaran

Caj pengangkutan/penghantaran hendaklah ditambah kepada harga Produk Eskayvie dan caj pengangkutan/penghantaran tersebut adalah berdasarkan berat pakej, saiz, isipadu dan jarak. Nilai caj penghantaran akan mengikut harga yang telah ditetapkan oleh setiap syarikat penghantaran. Caj pengangkutan/penghantaran hanya boleh ditentukan selepas alamat penghantaran dikemukakan oleh Usahawan Eskayvie Nexus dan caj pengangkutan/penghantaran akan ditambah kepada harga Usahawan Eskayvie Nexus bagi Produk Eskayvie dan jumlah harga termasuk caj pengangkutan/penghantaran hendaklah dibayar oleh Usahawan Eskayvie Nexus sepenuhnya. Caj pengangkutan/penghantaran tidak akan dikembalikan kecuali di mana produk tersebut rosak dan dipulangkan atau item yang salah dihantar kepada Usahawan Eskayvie Nexus dan Usahawan Eskayvie Nexus telah memulangkan item tersebut kepada Eskayvie Sdn Bhd.

Bagi mengelakkan sebarang kerumitan yang tidak perlu dan kos tambahan, Usahawan Eskayvie Nexus dinasihatkan untuk memberikan lokasi penghantaran yang tepat - iaitu alamat penuh di mana Usahawan Eskayvie Nexus boleh menerima penghantaran produk secara peribadi. Sekiranya penghantaran produk tidak berjaya, caj pengangkutan/penghantaran tambahan akan dikenakan untuk penghantaran semula. Caj penghantaran boleh berubah dari masa ke masa dengan pemberitahuan notis daripada syarikat.

5.4 Pembungkusan semula

Pembungkusan semula produk Eskayvie bagi tujuan penjualan semula atau atas apa sahaja sebab adalah dilarang sama sekali.

5.5 Alamat penghantaran

Sistem Nexus hanya akan menerima alamat yang lengkap untuk tujuan penghantaran. Pesanan akan dihantar sama ada melalui POSLAJU atau NINJAVAN atau mana-mana perkhidmatan penghantaran lain yang ditentukan oleh Syarikat dari masa ke masa.

5.5 Pemulangan pakej

Sekiranya pakej dipulangkan disebabkan kesilapan Usahawan Eskayvie Nexus atau jika pakej tidak diambil tepat pada masanya dan dikembalikan, Eskayvie Nexus akan mengenakan bayaran penghantaran semula kepada Usahawan Eskayvie Nexus.

Kos perbelanjaan pemulangan bungkusan sebanyak minima RM5.40 (mengikut berat & kawasan) akan dikenakan kepada 3 jenis kesalahan yang akan ditanggung sepenuhnya oleh Usahawan Eskayvie Nexus sekiranya melakukan salah satu daripada kesalahan di bawah:

- i) Pelanggan membatalkan pesanan serta merta setelah penghantaran secara (COD) sampai di alamat penghantaran.
- ii) Usahawan Eskayvie Nexus yang membatalkan pesanan sewaktu proses penghantaran telah berjalan.
- iii) Kesalahan maklumat penerima (Nama/alamat/no telefon) yang diisi oleh Usahawan Eskayvie Nexus di dalam sistem / website.

5.6 Kerosakan, Kekurangan atau Lebihan Penghantaran

Sebarang kerosakan, kekurangan atau lebihan produk semasa penghantaran, Usahawan Eskayvie Nexus hendaklah membuat laporan kepada Ibu Pejabat melalui Perunding Khidmat Pelanggan dalam masa 48 jam melalui dua saluran iaitu Telegram Nexus Support atau melalui link ini <https://bit.ly/aduaneskayvie>. Laporan hendaklah termasuk nama produk, sifat tuntutan, kuantiti dan gambar.

Sekiranya laporan kerosakan, kekurangan atau lebihan penghantaran berlaku selepas 48 jam Eskayvie Sdn Bhd berhak untuk menolak dan membatalkan aduan. Eskayvie Sdn Bhd mempunyai hak mutlak untuk menerima atau mengganti semula produk yang di salah hantar.

5.7 Perubahan harga

Semua produk dan harga jualan Eskayvie tertakluk kepada perubahan tanpa notis pemberitahuan terlebih dahulu.

5.8 Produk yang ditarik balik

Sekiranya ada produk yang ditarik balik, syarikat akan bertanggungjawab memulangkan atau menggantikan dengan produk baru. Kesemua kos yang terlibat akan ditanggung oleh syarikat.

TANDA DAGANGAN, SASTERA DAN IKLAN

6.1 Tanda dagangan

Nama Eskayvie, Eskayvie Nexus dan nama semua produk, perkhidmatan dan program Eskayvie adalah tanda dagangan yang dimiliki oleh Eskayvie Sdn Bhd. Hanya Eskayvie Sdn Bhd yang diberi kuasa untuk mengeluarkan dan memasarkan produk dan literatur di bawah tanda dagangan ini. Ini termasuklah logo, dokumentasi, brosur, video, poster, laman web, dan latihan dan/atau bahan pemasaran dan semua bahan promosi, seperti baju, topi, pin, tanda magnet, dan lain-lain lagi. Penggunaan nama Eskayvie atau Eskayvie Nexus terhadap mana-mana item yang tidak dihasilkan atau dibenarkan oleh Eskayvie Sdn Bhd adalah dilarang.

Usahawan Eskayvie Nexus adalah bertanggungjawab di atas sebarang kerosakan yang timbul daripada penyalahgunaan tanda dagangan, tanda perkhidmatan, hak cipta dan hak harta intelek lain milik Eskayvie, dalam apa jua bentuk, kecuali yang dibenarkan secara khusus oleh Polisi ini atau sebagaimana yang diluluskan secara bertulis oleh pihak Pengurusan Eskayvie Sdn Bhd.

6.2 Bahan Pengiklanan

Usahawan Eskayvie Nexus tidak dibenarkan menggunakan nama dagangan Eskayvie, Eskayvie Nexus, Produk Eskayvie, Dr Syid Ayob Syid Mustafa Al Qudri, Puan Kartika Wati Mohamed, Dr Farah Farhana dan Duta Eskayvie dalam mengiklankan nombor telefon dan nombor faks mereka dalam mana-mana bahan pengiklanan. Hanya bahan-bahan yang diluluskan oleh pengurusan Eskayvie Sdn Bhd sahaja boleh digunakan untuk sebarang pengiklanan dalam mana-mana media cetak, radio, televisyen, internet, elektronik atau saluran media lain.

Selain itu, Usahawan Eskayvie Nexus dilarang menggunakan *username* seperti yang tersenarai di semua platform sosial media:

- Eskayvie Malaysia
- Eskayvie MY

- Eskayvie HQ
- Eskayvie Official
- Eskayvie (Nama Produk) Official
- Eskayvie (Nama Produk) HQ
- Eskayvie Nexus Official
- Eskayvie Nexus HQ
- Eskayvie Nexus
- Eskayvie
- Eskayvie (Nama kawasan)

Tiada sesiapa pun boleh menggunakan nama Eskayvie, Eskayvie Nexus, logo, tanda dagangan atau bahan reka cipta dalam mana-mana iklan tanpa kebenaran. Usahawan Eskayvie Nexus perlu mendapatkan kelulusan dengan menghantar permohonan secara bertulis melalui e-mel atau WhatsApp kepada wakil syarikat. Setelah kelulusan diperolehi, tiada teks atau imej yang boleh dipinda atau diubah. Sekiranya sebarang perubahan dibuat, bahan baharu mesti dikemukakan untuk kelulusan. Usahawan Eskayvie Nexus digalakkan untuk menggunakan bahan pemasaran yang diluluskan oleh Pihak Pengurusan Eskayvie Sdn Bhd yang boleh dicapai melalui telegram Nexus Circle, telegram Recruitment & Success Story dan semua telegram produk Eskayvie yang disediakan. Maklumat yang bersesuaian dan berkaitan akan ditambah dari semasa ke semasa jika perlu.

6.3 Nama Perniagaan

Usahawan Eskayvie Nexus tidak boleh menggunakan atau cuba mendaftar sebarang nama dagangan, tanda dagangan, tanda perkhidmatan, nama produk Eskayvie, lokasi perniagaan di Google Business Profile mahupun domain internet yang melibatkan Eskayvie, Eskayvie Nexus, Produk Eskayvie, Dr Syid Ayob, Puan Kartika Wati, Dr Farah Farhana dan Duta Eskayvie.

6.4 Lokasi Pasaran dan Jualan

Usahawan Eskayvie Nexus tidak dibenarkan menjual produk Eskayvie melalui mana-mana platform dalam talian seperti Lazada, Carousel, marketplace serta platform fizikal seperti kedai-kedai dan farmasi kecuali di TikTok & Shopee. Usahawan Eskayvie Nexus perlu berdaftar samada sebagai Eskayvie TikTok Affiliate / Eskayvie Shopee Affiliate bagi mendapat kebenaran untuk menjual produk Eskayvie melalui beg kuning di TikTok dan di Shopee

6.5 Penggunaan gambar Dr Syid Ayob, Puan Kartika Wati, Dr Farah Farhana dan Duta Eskayvie serta Influencer/KOL sebagai gambar profil serta Display Picture (DP) di akaun Whatsapp, Telegram serta media sosial rasmi mahupun peribadi Usahawan Eskayvie Nexus adalah dilarang.

ETIKA PERNIAGAAN ESKAYVIE NEXUS.

Eskayvie Nexus adalah sebuah rangkaian perniagaan yang menawarkan produk kesihatan yang berkualiti tinggi bagi membantu meningkatkan tahap kesihatan masyarakat sekaligus menjadikan kehidupan lebih bererti. Dengan menyertai rangkaian Eskayvie Nexus, setiap usahawan perlu mengikuti etika perniagaan yang telah ditetapkan bagi memastikan kelangsungan perniagaan serta kebajikan setiap ahli dapat dijaga.

Setiap Usahawan Eskayvie Nexus perlulah bertanggungjawab serta menjalankan perniagaan dengan jujur dan beretika bagi menjaga nama baik ahli serta rangkaian perniagaan Eskayvie Nexus. Selain itu, setiap Usahawan Eskayvie Nexus juga perlu menerapkan 5 Nilai Teras Eskayvie iaitu Insan, Integriti, Inovatif, Komitmen dan Kerjasama. Berikut adalah perincian untuk Etika Ahli dan Rangkaian Eskayvie Nexus.

Membina Rangkaian Positif Sesama Usahawan Eskayvie Nexus.

7.1 Semua Usahawan Eskayvie Nexus wajib menjaga tatatertib dan keharmonian dengan tidak membuat atau memberi komen yang bersifat menjatuhkan Usahawan Eskayvie Nexus yang lain.

7.2 Usahawan Eskayvie Nexus dibenarkan menjawab pertanyaan tentang produk keluaran Eskayvie atau peluang perniagaan Eskayvie Nexus di posting pada mana-mana halaman Rasmi Eskayvie sama ada di Facebook Page/ Group, Instagram, Twitter, TikTok dan sebagainya selagi mana tidak memberi maklumat atau maklumat kesihatan yang salah serta tidak melanggar etika yang ditetapkan.

7.3 Sekiranya terdapat pertanyaan tentang pembelian produk Eskayvie atau persoalan tentang keahlian Eskayvie Nexus, Usahawan Eskayvie Nexus dibenarkan membantu pelanggan atau prospek melalui saluran peribadi (seperti private chat, message, Whatsapp dll).

7.4 Usahawan Eskayvie Nexus harus mengelakkan daripada memberikan komentar yang bersifat provokasi, atau berpotensi menimbulkan persepsi, suasana yang negatif di dalam mana-mana platform Social Media. Sekiranya terdapat isu berbangkit terhadap sesuatu perkara, ia perlulah disalurkan melalui saluran rasmi dengan menghantar pertanyaan ke Pihak HQ di talian hotline 03-55111050 atau WhatsApp ke wakil syarikat.

7.5 Usahawan Eskayvie Nexus juga diminta untuk tidak melakukan aktiviti jual beli atau mempromosikan produk lain selain daripada produk keluaran Eskayvie sekiranya menggunakan sebarang tanda/ jenama Eskayvie atau memperkenalkan diri sebagai Usahawan Eskayvie Nexus di mana-mana platform perniagaan masing-masing sama ada offline mahupun online.

7.6 Sebarang pertanyaan, ulasan berkenaan Eskayvie Nexus atau ingin melaporkan aktiviti Usahawan Eskayvie Nexus yang melanggar etika perniagaan, boleh disalurkan melalui saluran Nexus Support melalui hotline 03-55111050 atau e-mel atau WhatsApp kepada wakil syarikat.

Etika Dalam Mempromosikan Produk Eskayvie

8.1 Semua Usahawan Eskayvie Nexus perlu mengikuti setiap promosi yang sedang berlangsung serta boleh mendapatkan bahan promosi seperti gambar, poster, copywriting serta video testimoni yang telah disediakan oleh pihak Eskayvie.

8.2 Sekiranya Usahawan Eskayvie Nexus ingin menggunakan bahan mengikut kreativiti tersendiri, bahan tersebut perlulah mengikuti panduan yang ditetapkan dan tidak melanggar mana-mana etika perniagaan seperti yang telah dinyatakan dalam perkara di klausa 6.1 dan klausa 6.2

8.3 Pihak syarikat berhak menarik balik atau menukar setiap bahan promosi yang telah dikeluarkan atau yang telah diberi kebenaran untuk digunakan tanpa sebarang notis.

8.4 Usahawan Eskayvie Nexus dibenarkan mempromosi dan memasarkan produk Eskayvie secara dalam talian atau luar talian. Namun, penjualan tidak dibenarkan melalui platform seperti Lazada, Carousell, marketplace lain, kedai atau farmasi, kecuali di TikTok dan Shopee. Untuk memasarkan di TikTok atau Shopee, usahawan wajib mendaftar sebagai Eskayvie TikTok Affiliate atau Eskayvie Shopee Affiliate terlebih dahulu. Selain itu, usahawan tidak dibenarkan menjual atau mempromosikan sebarang produk selain keluaran Eskayvie di platform masing-masing, sama ada melalui live, video, showcase atau sebarang aktiviti promosi. Peraturan ini ditetapkan bagi memastikan kelangsungan perniagaan serta menjaga kebajikan semua Usahawan Eskayvie Nexus.

8.5 Usahawan Eskayvie Nexus dilarang mengambil dan menggunakan foto, copywriting, atau testimoni milik Usahawan Eskayvie Nexus yang lain tanpa kebenaran.

8.6 Usahawan Eskayvie Nexus dilarang sama sekali mempromosikan produk, meletakkan link peribadi, atau maklumat peribadi (untuk dihubungi) di media sosial, posting, iklan berbayar milik orang lain, media sosial milik agensi kerajaan dan swasta. Sebarang aktiviti promosi/jual beli produk Eskayvie hendaklah menggunakan akaun media sosial sendiri.

Etika Dalam Aktiviti Jual Beli Produk Keluaran Eskayvie

9.1 Usahawan Eskayvie Nexus perlu menasihati pelanggan dengan maklumat kesihatan yang tepat dengan menawarkan pilihan produk dan perkhidmatan yang sesuai untuk memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan.

9.2. Usahawan Eskayvie Nexus dilarang membuat pembelian secara pukal bagi tujuan menyimpan stok dan setiap pembelian perlu didaftarkan di dalam Sistem Nexus. Setiap pembelian produk juga perlu dihantar terus ke alamat pelanggan.

9.3 Usahawan Eskayvie Nexus boleh menetapkan sendiri sasaran dan strategi jualan, serta teknik promosi namun perlu memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh pihak Eskayvie.

9.4 Usahawan Eskayvie Nexus dilarang menjual produk Eskayvie di bawah harga jualan yang telah ditetapkan.

9.5 Usahawan Eskayvie Nexus harus aktif menjual dan mempromosikan produk Eskayvie secara berterusan dengan penuh etika dan tidak melanggar mana mana terma & syarat yang ditetapkan.

Tindakan Bagi Usahawan Eskayvie Nexus Yang Melanggar Polisi Eskayvie Nexus

10.1 Peringatan pertama akan diberikan kepada Usahawan Eskayvie Nexus yang didapati melanggar polisi yang ditetapkan.

10.2 Akaun Usahawan Eskayvie Nexus tersebut juga akan digantung sehinggalah surat tunjuk sebab dikemukakan kepada pihak pengurusan Eskayvie. Apabila situasi ini terjadi, Usahawan Eskayvie Nexus tidak boleh akses Sistem Nexus bagi melakukan sebarang transaksi.

10.3 Sekiranya Usahawan Eskayvie Nexus masih gagal untuk mematuhi peraturan setelah peringatan pertama, peringatan kedua akan diberikan dan akaun Usahawan Eskayvie Nexus akan dilucutkan.

10.4 Usahawan Eskayvie Nexus boleh membuat permohonan rayuan untuk mengaktifkan semula akaun Eskayvie Nexus tersebut dengan memberikan surat tunjuk sebab. Kelulusan rayuan ini bergantung pada budi bicara pihak pengurusan Eskayvie.

10.5 Pihak Eskayvie berhak mengeluarkan Usahawan Eskayvie Nexus daripada rangkaian ini jika Usahawan Eskayvie Nexus tidak mematuhi peraturan dan etika yang telah ditetapkan. Segala implikasi boleh dirujuk di klausa 11.1 sehingga klausa 11.3

PERLETAKAN JAWATAN, PENGGANTUNGAN & PENAMATAN

11.1 Pembatalan Keahlian

Mana-mana Usahawan Eskayvie Nexus boleh membatalkan keahlian sebagai Usahawan Eskayvie Nexus dengan menghantar notis bertulis kepada Eskayvie Sdn Bhd. Pembatalan keahlian berkuatkuasa selepas penerimaan notis tersebut oleh Eskayvie Sdn Bhd. Usahawan Eskayvie Nexus yang membatalkan keahliannya tidak boleh memohon semula, sama ada secara individu atau mempunyai kepentingan kewangan dalam mana-mana entiti Usahawan Eskayvie Nexus yang lain, untuk tempoh enam (6) bulan dari pembatalan keahlian.

11.2 Penggantungan

Eskayvie Sdn Bhd berhak untuk menggantung mana-mana keahlian Usahawan Eskayvie Nexus pada bila-bila masa atas sebab Usahawan Eskayvie Nexus telah melanggar peruntukan Polisi Eskayvie Nexus yang ditetapkan, kerana ia mungkin dipinda dari semasa ke semasa, atau peruntukan undang-undang yang terpakai dan piawaian urus niaga yang adil.

Eskayvie Sdn Bhd hendaklah membuat penggantungan mengikut budi bicaranya sementara menunggu siasatan kemungkinan pelanggaran Polisi. Eskayvie Sdn Bhd akan memaklumkan kepada Usahawan Eskayvie Nexus melalui penghantaran pos dan/atau e-mel yang dihantar ke alamat terkini. Sekiranya berlaku penggantungan, Usahawan Eskayvie Nexus bersetuju untuk berhenti serta-merta mewakili dirinya sebagai Usahawan Eskayvie Nexus.

Semasa tempoh penyiasatan penggantungan, sebarang komisen, penggantian atau bonus, yang mungkin perlu dibayar, jika ada, tidak akan dibayar kepada Usahawan Eskayvie Nexus sehingga penyiasatan selesai. Sekiranya pelanggaran itu dianggap tidak berasas oleh Eskayvie Sdn Bhd, penggantungan itu akan dibatalkan dan sebarang komisen, penggantian atau bonus akan dikreditkan kepada Usahawan Eskayvie Nexus. Dalam tempoh penggantungan yang berkenaan, pihak Eskayvie Sdn Bhd mempunyai hak untuk melarang Usahawan Eskayvie Nexus yang digantung daripada menikmati bonus dan faedah. Usahawan Eskayvie Nexus yang digantung tidak mempunyai hak untuk mewakili dirinya sebagai Usahawan Eskayvie Nexus atau mempromosikan perniagaannya atau produknya semasa tempoh penggantungan tersebut.

11.3 Penamatan Keahlian

Usahawan Eskayvie Nexus boleh ditamatkan keahlian jika melanggar mana-mana Polisi Eskayvie Nexus. Notis penamatan hendaklah diberikan secara bertulis kepada Usahawan Eskayvie Nexus dan dihantar atau diserahkan sama ada melalui pos atau e-mail. Penamatan berkuat kuasa jika tiada rayuan diterima dalam tempoh 10 hari bekerja daripada tarikh notis dikeluarkan.

Usahawan Eskayvie Nexus yang ditamatkan keahlian:

- a) Hendaklah menghapuskan dan menghentikan penggunaan cap dagangan, tanda perkhidmatan, nama dagangan dan sebarang tanda, label, atau pengiklanan secara kekal yang merujuk kepada atau berkaitan dengan produk, pelan pemasaran atau program Eskayvie Nexus
- b) Tidak lagi mewakili dirinya sebagai Usahawan Eskayvie Nexus
- c) Kehilangan semua hak ke atas keahlian dan kedudukannya sebagai Usahawan Eskayvie Nexus dan semua komisen dan pendapatan masa depan yang terhasil daripadanya.

Eskayvie Sdn Bhd mempunyai hak untuk menyelaras sebarang jumlah yang terhutang oleh Usahawan Eskayvie Nexus kepada Eskayvie Nexus.,

11.4 Rayuan

Usahawan Eskayvie Nexus yang ditamatkan keahlian boleh membuat rayuan terhadap tindakan tersebut dengan menyerahkan surat tunjuk sebab kepada Pihak Pengurusan Eskayvie Sdn Bhd dalam tempoh 10 hari bekerja daripada tarikh notis dikeluarkan. Pihak Pengurusan Eskayvie Sdn Bhd akan menyemak dan membuat keputusan. Keputusan adalah muktamad.

KOMISEN DAN GANJARAN

12.1 Usahawan Eskayvie Nexus layak mendapat komisen berdasarkan kelayakan untuk setiap kedudukan yang akan ditetapkan semula dan dikira setiap bulan. Komisen 10% akan dibayar dalam masa nyata (Real Time) dan baki komisen (berdasarkan kelayakan) akan dikreditkan ke dalam cash wallet mereka pada 1 – 2 haribulan setiap bulan. Rujuk jadual di bawah untuk butiran komisen.

NEXUS CIRCLE					
RANK	GROUP SALE	PERCENTAGE	PERSONAL SALE	SIDE GROUP	PARTNERSHIP BONUS
DIAMOND ADVISOR	EPV 150,000	40%	EPV 3,000	EPV 60,000	YES
▲					
SAPPHIRE ADVISOR	EPV 70,000 (70,000-149,999)	37%	EPV 3,000	EPV 30,000	YES
▲					
GOLD ADVISOR	EPV 30,000 (30,000-69,999)	35%	EPV 2,000	-	-
▲					
SILVER ADVISOR	EPV 10,000 (10,000-29,999)	30%	EPV 1,000	-	-
▲					
BRONZE ADVISOR	EPV 3,000 (3,000-9,999)	25%	EPV 500	-	-
▲					
ESKAYVIE ACHIEVER	EPV 1,000 (1,000-2,999)	15%	-	-	-
▲					
ESKAYVIE APPRENTICE	No Sales Target	10%	-	-	-

ICON CIRCLE						
RANK	GROUP SALE	PERCENTAGE	PERSONAL SALE	SIDE GROUP	GROUP DOWNLINE	PARTNERSHIP BONUS
IMPERIAL	EPV 2,700,000	40%	EPV 3,000	EPV 60,000	18 Diamond Advisor	YES
▲						
ROYAL	EPV 1,350,000	40%	EPV 3,000	EPV 60,000	9 Diamond Advisor	YES
▲						
CROWN	EPV 450,000	40%	EPV 3,000	EPV 60,000	3 Diamond Advisor	YES

12.2 Pengeluaran cash wallet boleh dipohon pada bila-bila masa dan ia akan dikreditkan ke dalam akaun Usahawan Eskayvie Nexus pada setiap hari Khamis. Maklumat bank bagi pengeluaran cash wallet perlulah sama dengan maklumat bank yang terdapat di dalam Sistem Nexus. Pengeluaran tidak akan diproses sekiranya maklumat bank yang dimasukkan adalah berlainan dari maklumat bank yang terdapat di dalam Sistem Nexus. Jumlah minima bagi pengeluaran cash wallet adalah RM50. Caj pemprosesan sebanyak RM1 bagi setiap pengeluaran minimum RM50 akan ditanggung sepenuhnya oleh Usahawan Eskayvie Nexus.

12.3 Usahawan Eskayvie Nexus juga berhak mendapat ganjaran berdasarkan cabaran atau kempen. Hadiah yang ditawarkan boleh berupa wang tunai, pakej percutian, gajet atau aksesori gaya hidup. Eskayvie Sdn Bhd berhak untuk menukar hadiah tersebut kepada hadiah yang lain (harga sama atau lebih) sekiranya hadiah tersebut tidak lagi ditawarkan ketika itu. Bagi hadiah pakej percutian, sekiranya Usahawan Eskayvie Nexus tidak dapat menyertainya maka Usahawan Eskayvie Nexus tidak berhak untuk menukarkan kepada bentuk wang tunai dan sebagainya. Hadiah yang dimenangi tidak boleh dipindah milik kepada orang lain.

PERUNTUKAN AM

13.1 Pindaan

Pihak pengurusan Eskayvie Sdn Bhd berhak untuk meminda, mengubah atau menggantikan semua atau mana-mana terma dan syarat di sini mengikut budi bicara mutlak Eskayvie Sdn Bhd dari semasa ke semasa dengan atau tanpa notis kepada Usahawan Eskayvie Nexus. Adalah menjadi tanggungjawab dan kewajipan Usahawan Eskayvie Nexus untuk membaca dan memahami terma dan syarat yang dipaparkan di laman web dan di Sistem Nexus dari semasa ke semasa dan dalam apa jua keadaan Usahawan Eskayvie Nexus mesti membaca dan memahami terma dan syarat sebelum menghantar sebarang pesanan kepada Eskayvie. Eskayvie Sdn Bhd tidak mempunyai tanggungjawab atau kewajipan untuk memberitahu Usahawan Eskayvie Nexus tentang sebarang pindaan, variasi atau penggantian semua atau mana-mana terma di sini sebelum membuat perubahan tersebut.

13.2 Had Liabiliti

Eskayvie Sdn Bhd tidak akan bertanggungjawab kepada Usahawan Eskayvie Nexus untuk sebarang pintasan komunikasi dalam talian, perisian atau masalah perkakasan (termasuk, tanpa had, virus, kehilangan data, atau konflik keserasian), penggunaan kad kredit Usahawan Eskayvie Nexus tanpa kebenaran, atau akibat lain di luar kawalan Eskayvie Sdn Bhd.

Sekiranya jika berlaku situasi di mana Usahawan Eskayvie Nexus bertanggungjawab atau diambil tindakan undang-undang oleh mahkamah yang sah, Eskayvie Sdn Bhd, pekerja, pembekal, atau Usahawan Eskayvie Nexus hanya akan bertanggungjawab kepada usahawan tersebut dalam bentuk kerosakan atau kerugian yang berlaku. Ini termasuk sebarang tindakan undang-undang yang mungkin timbul, sama ada melalui perjanjian kontrak, kesalahan (tort), atau bentuk undang-undang lain. Walau bagaimanapun, jumlah tanggungjawab atau pampasan yang perlu dibayar oleh Eskayvie Sdn Bhd atau pihak yang berkaitan akan dihadkan kepada nilai harga produk yang dibeli oleh usahawan tersebut.

13.3 Undang-undang yang Mentadbir

Polisi ini adalah tertakluk kepada Undang-Undang Malaysia dan berada di bawah Mahkamah-Mahkamah yang berbidang kuasa di Malaysia.